



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



27.8.2024

Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

REBAT AIR DOMESTIK PULAU PINANG AKAN DITUNJUKKAN DALAM BIL AIR SEPTEMBER 2024 HINGGA DISEMBER 2024

- **Diskaun RM6.20 untuk 10 meter padu (m^3) penggunaan domestik pertama dalam bil dwi-bulanan untuk tempoh 6 bulan. Rebат keseluruhan ialah RM18.60.**
- **Rebat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini akan memanfaatkan 597,705 pengguna domestik.**
- **Impak yang diunjurkan untuk PBAPP: RM11 juta.**

PULAU PINANG, Selasa, 27.8.2024: Rebат bil air RM11 juta untuk pengguna domestik Pulau Pinang akan ditunjukkan dalam bil yang dikeluarkan oleh PBAPP dari September 2024 hingga Disember 2024.

Semua pengguna air domestik di Pulau Pinang tidak akan dicaj untuk penggunaan $10m^3$ ($10,000L$) pertama dalam bil air dwi-bulanan untuk tempoh 6 bulan (Julai - Disember 2024). Ini adalah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Jun 2024, berikutan pelaksanaan kadar air domestik baru 2024 di Pulau Pinang seperti yang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan.

Rebat ini akan memanfaatkan 597,705 pengguna air domestik Pulau Pinang. Setiap pengguna domestik akan memperoleh penjimatan keseluruhan RM18.60.

Rebat adalah untuk pengguna domestik sahaja. Ia tidak terpakai kepada pengguna bukan domestik, pengguna domestik pukal, pengguna perkapalan atau rumah ibadat dan institusi kebajikan.

Bergantung pada tarikh pengebilan, pengguna domestik akan melihat rebat dalam bil yang dikeluarkan pada kitaran pengebilan September/Okttober 2024 (RM12.40) dan November/Disember 2024 (RM6.20).

Pengguna domestik yang tidak mendapat rebat dalam bil mereka diminta untuk menghubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP (no tel: 04 255 8 255) atau mana-mana 9 Pusat Khidmat Pelanggan kami di Komtar, Balik Pulau, Bayan Baru, Bukit Mertajam,



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



Jawi, Kepala Batas, Kompleks Perai, Lapang Senapang dan Taman Sela

Rebat “keluarga besar” (RM20 setiap bil air)

Keluarga besar (8 orang atau lebih) dengan pendapatan isi rumah maksimum RM5,580 sebulan juga layak mendapat rebat RM20 daripada bil air domestik dwi-bulanan mereka.

Isi rumah yang layak akan melihat “rebat mesra keluarga” ini dalam bil air domestik mereka mulai September 2024. Mereka yang ingin memohon rebat ini boleh mengunjungi Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP yang berhampiran.

Jangka masa pengebilan dwi-bulanan terhad kepada 63 hari

Sebagai respons kepada aduan awam, PBAPP membuat pelarasan untuk mengehadkan jangka masa pengebilan dwi-bulanannya kepada maksimum 63 hari mulai Oktober 2024. Had 63 hari adalah untuk menampung cuti umum dan cuti mingguan yang mungkin berlaku pada hujung pengebilan.

Siasatan telah mengesahkan bahawa beberapa pengguna air domestik telah dibilang untuk penggunaan dalam tempoh masa sehingga 67 hari, sejak Mac 2024.

“Kelewatan pengebilan” ini disebabkan oleh bilangan cuti umum sepanjang 6 bulan yang lalu dan beban kerja pembacaan meter yang semakin meningkat. Pada Jun 2024, PBAPP telah melayani 696,910 pengguna air di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Berkuat kuasa serta-merta, PBAPP telah menambah peruntukan tuntutan kerja lebih masa untuk pembaca meter bagi memastikan bil air Pulau Pinang dikeluarkan tepat pada masanya. Kami juga akan menggunakan lebih banyak pembaca meter dalam tempoh 6 bulan akan datang.

Mulai 1.10.2024, mana-mana pengguna air domestik yang menerima bil yang meliputi tempoh masa melebihi 63 hari diminta untuk mengunjungi Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP terdekat untuk pelarasan bil.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my